



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Alauddin dicalon rebut olahragawan

Berita Harian, 11 January 1995, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL19850

Printer-Friendly Page

Alauddin dicalon rebut olahragawan

Persisi juga calonkan seorang lagi pesilat,
dua jurulatih untuk anugerah 1994

SILAT Oleh **MOHD SANI ALI**

KEJAYAAN Sheik Alauddin Yacoob menjuarai Kejohanan Silat Dunia, memperkuatkan cabarannya untuk bersaing bagi merebut Anugerah Olahragawan Terbaik Singapura 1994.

Sheik, 27 tahun, juga pemenang pingat emas Sukan SEA 1993, menanti dengan penuh ghairah untuk melihat sejauh mana kejayaannya di Kejohanan Silat Dunia di Haadyai, Thailand tahun lalu itu dapat membantunya merebut anugerah tersebut.

Ketika mengulas peluangnya ekoran keputusan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mencalonkannya bagi merebut anugerah tersebut, Sheik berkata:

"Peluang saya memang ada jika didasarkan kepada tahap peringkat kejohanan. Saya memenangi kejuaraan dunia dan pencak silat sudah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan dunia.

"Silat bukan lagi sukan

kerantauan yang sering kita kenali suatu ketika dulu. Kini silat merupakan sukan olahraga yang diterima setiap lapisan masyarakat baik di Timur mahupun di Barat.”

Bagaimanapun, kata Sheik, oleh kerana silat bukan anggota Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan bukan jenis sukan yang dipertandingkan di Olimpik dan Sukan Asia, maka beliau mengakui kekurangannya.

“Tetapi saya cukup bangga kerana telah berjaya mengharumkan nama negara menerusi silat dan menjuarai kejohanan dunia, bukan sekali tetapi dua kali,” kata Sheik.

Sheik tidak menafikan beliau terpaksa bersaing hebat dengan ahli kapal layar, Benedict Tan, pemenang pingat emas tunggal Sukan Asia di Hiroshima dan kapten bola-sepak, Fandi Ahmad.

“Bukanlah suatu tugas mudah untuk mengatasi kedua-dua ahli sukan negara itu. Mereka mempunyai kelebihan yang tersendiri di bid-

dang masing-masing,” kata Sheik.

Setiausaha Agung Persisi, Sarkawai Haji Masom, menyifatkan kejayaan Sheik di Kejohanan Silat Dunia itu meyakinkan pihaknya, sambil mengulas:

“Peluang Sheik adalah baik. Beliau berjaya menjuarai pertandingan dunia mentelah lagi kejayaannya yang kedua.”


Selain daripada Sheik, Persisi juga turut menamakan Mohd Hidayat Hosni, seorang lagi pemenang pingat emas di kejohanan yang sama, untuk merebut Anugerah Penghargaan.

Turut dicalonkan sama ialah dua jurulatih nasional, Hosni Ahmad dan Haji Husain Kaslan, yang akan bersaing untuk anugerah Jurulatih Terbaik.

Bagaimanapun, pegawai Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), menyatakan sehingga ini, pihaknya masih belum menerima sebarang pencalonan dari Persisi.

“Peluang Sheik adalah baik. Beliau berjaya menjuarai pertandingan dunia mentelah lagi kejayaannya yang kedua.”

— Setiausaha Agung Persisi, Sarkawai Haji Masom



SHEIK ALAUDDIN: Kejayaan menjuarai Kejohanan Silat Dunia, memperkuat cabarannya.